

STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)


UNIT 1

TEMA	SEJARAH DAN WARISAN
TAJUK	MAKANAN TRADISIONAL MELAYU
OBJEKTIF	<p>Pada akhir pembelajaran dan pemudahcaraan, diharapkan murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> Membaca secara imbasan untuk mendapatkan maklumat. Membaca dan mentafsir maklumat untuk mengkategorikan maklumat mengikut kriteria tertentu. Menyatakan proses membuat kuih dengan memberikan justifikasi.
STRATEGI/ PENDEKATAN ABAD KE-21	i. Teknik Bacaan: <i>KWLH</i>
	ii. KBAT: Menganalisis
	iii. Nilai: Menghargai keunikan makanan tradisi sebagai warisan zaman-berzaman
	iv. Strategi P&P Abad ke-21 : Pembelajaran Koperatif
MEDIA	<ol style="list-style-type: none"> Audio/Komputer/Internet – Laman Sesawang Peta/Grafik Petikan Akhbar Gambar <p>*Mengikut kesesuaian</p>
SITUASI	Peribadi
FORMAT TEKS	Tidak berurutan
JENIS TEKS	Penceritaan
PROSES KOGNITIF	Mengimbas dan mengenal pasti


AKTIVITI	CATATAN
<p>LANGKAH 1</p> <p>a. Meneliti gambar makanan tradisional Melayu.</p> <p>b. Menulis nama makanan mengikut kategori.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar makanan tradisional • Menggunakan peta i-think untuk menunjukkan klasifikasi (makanan berat, kuih-muih, dan pencuci mulut) <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 1</p>
<p>LANGKAH 2</p> <p>a. Murid membaca petikan yang diberikan secara individu.</p> <p>b. Dalam kumpulan, setiap murid mengenal pasti: <ul style="list-style-type: none"> • Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kuih loyang tradisional dan kuantitinya. • Panduan yang dapat diikuti semasa membuat kuih loyang tradisional. </p> <p>c. Setiap kumpulan membentangkan hasil dapatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petikan ‘Kuih Loyang Tradisional’ • Menggunakan teknik bacaan imbasan • Meneroka sumber lain untuk mendapatkan maklumat <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 2</p>
<p>LANGKAH 3</p> <p>a. Terdapat kekurangan atau kelemahan pada petikan “Kuih Loyang Tradisional”. Murid dikehendaki mengenal pasti kekurangan tersebut.</p> <p>b. Dalam kumpulan, murid membincangkan proses untuk menghasilkan kuih loyang yang rangup dan enak.</p> <p>c. Murid membentangkan hasil perbincangan menggunakan peta <i>i-think</i> yang menunjukkan proses.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan/kelemahan petikan: Tidak menyatakan proses untuk membuat kuih loyang tradisional • Menggunakan peta alir untuk menunjukkan proses membuat kuih loyang <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 3</p>

LAMPIRAN 1

MAKANAN TRADISIONAL MELAYU




Berdasarkan gambar yang diberikan, kelaskan makanan tradisional Melayu tersebut kepada tiga kategori. Tulis nama makanan tersebut dalam peta pokok di bawah ini.



LAMPIRAN 2

KUIH LOYANG TRADISIONAL




Aku berasa sungguh gembira. Hari ini ibu akan membuat kuih kegemaranku, iaitu kuih loyang. Kuih loyang juga dikenali sebagai kuih ros, kuih bunga durian, kuih cap, dan kuih goyang. Kuih ini dibuat daripada tepung beras. Di Malaysia, kuih ini dinamakan kuih goyang kerana selepas acuannya dicelup dalam adunan tepung, acuan tersebut akan dicelup dalam minyak panas dan digoyang-goyangkan sehingga tertanggal daripada acuan. Nama ros pula diambil bersempena dengan bentuknya yang menyerupai bunga ros. Nama loyang diperoleh daripada acuannya yang dibuat daripada logam loyang.


Menurut ibu, bahan-bahan untuk membuat kuih loyang sangat mudah. Bahan-bahan untuk membuat kuih ini dapat diambil di mana-mana dapur kerana bahan-bahan tersebut biasa digunakan untuk masakan. Antara bahan yang digunakan untuk membuat kuih loyang termasuklah satu kilogram tepung beras, empat biji telur, tiga cawan gula, tiga cawan santan, dan minyak masak. Sesetengah orang gemar memasukkan tepung gandum dalam adunan untuk menambahkan kerangupan kuih loyang. Semasa menggaul bahan-bahan tersebut, adunan tepung akan menjadi berketul-ketul. Oleh itu, gaulkan adunan sehingga menjadi tidak berketul, tidak terlalu pekat serta tidak terlalu cair. Selain itu, elakkan menggoreng kuih loyang dalam minyak yang terlalu panas supaya tekstur kuih menjadi lebih rata. Acuan tidak boleh terlalu panas juga. Jika acuan terlalu panas, adunan akan melekat pada acuan tersebut.



PROSES MEMBUAT KUIH LOYANG



LANGKAH MENGGORENG KUIH LOYANG



STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

UNIT 2

TEMA	SEJARAH DAN WARISAN
TAJUK	BANGUNAN BERSEJARAH
OBJEKTIF	<p>Pada akhir pembelajaran dan pemudahcaraan, diharapkan murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mentafsir gambar secara tersurat dan tersirat. ii. Menjelaskan kepentingan bangunan bersejarah kepada pelancong. iii. Mengetahui sejarah dan fungsi bangunan bersejarah
STRATEGI/ PENDEKATAN ABAD KE-21	<ol style="list-style-type: none"> i. Teknik Bacaan: <ul style="list-style-type: none"> • Bacaan secara imbasan dan luncuran • Kaedah 6 Topi Berfikir
	<ol style="list-style-type: none"> ii. KBAT: Menilai
	<ol style="list-style-type: none"> iii. Nilai: Semangat patriotisme
	<ol style="list-style-type: none"> iv. Strategi P&P Abad ke-21: Kecerdasan Pelbagai (Kajian Masa Depan), peta <i>i-think</i>
MEDIA	<ol style="list-style-type: none"> i. Gambar ii. Internet – Laman sesawang
SITUASI	Awam dan pendidikan
FORMAT TEKS	Tidak berurutan
JENIS TEKS	Perihaln
PROSES KOGNITIF	Memahami isi tersurat dan tersirat

AKTIVITI	CATATAN
<p>LANGKAH 1</p> <p>a. Murid diagihkan kepada beberapa kumpulan.</p> <p>b. Setiap kumpulan diberikan sekeping gambar.</p> <p>c. Murid mentafsirkan gambar yang dilihat (misalnya peristiwa, peranan, dan fungsi).</p> <p>d. Murid membentangkan hasil dapatan menggunakan peta <i>i-think</i>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti gambar bangunan bersejarah di Malaysia • Memahami isi tersurat dan tersirat • Menggunakan peta <i>i-Think</i> untuk membentangkan hasil perbincangan <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 1</p>
<p>LANGKAH 2</p> <p>a. Murid membaca sejarah perkembangan Bangunan Sultan Abdul Samad.</p> <p>b. Murid membuat kronologi peristiwa menggunakan peta <i>i-think</i> yang sesuai.</p> <p>c. Murid mengkaji seni reka bentuk bangunan yang menjadi kebanggaan negara kita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneroka sumber lain untuk mendapatkan maklumat <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 2</p>
<p>LANGKAH 3</p> <p>a. Jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad didapati tidak berfungsi serta gagal diselenggarakan dengan baik sejak petugas yang menjaga jam tersebut, V. Kunasegaran bersara. Jam tersebut mungkin akan mengalami kerosakan yang serius jika tiada tindakan yang diambil.</p> <p>b. Masih dalam kumpulan yang sama, murid berbincang tentang isu yang diberikan menggunakan teknik '6 Topi Berfikir'.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Alat berfikir: '6 Topi Berfikir' <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 3</p>

LAMPIRAN 1

BANGUNAN BERSEJARAH DI MALAYSIA



**SEJARAH PERKEMBANGAN
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD**

Tahun	Peristiwa
1893	Pembinaan Bangunan Sultan Abdul Samad mula dilakukan. Pelan bangunan ini direka bentuk oleh arkitek dari British yang bernama Anthony C. Norman. Beliau dibantu oleh seorang jurutera yang berasal dari British juga, iaitu C.E. Spooner.
1894	Perletakan batu asas bagi bangunan ini hanya dibuat pada 6 Oktober 1894 oleh Sir Charles B.H Mitchell yang merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat ketika itu.
1897	Bangunan Sultan Abdul Samad siap dibina dan mula digunakan. Nama bangunan ini diambil daripada nama Sultan Abdul Samad. Baginda merupakan sultan yang memerintah negeri Selangor pada ketika itu, iaitu bermula pada tahun 1896.
1978	Pengubahsuaian bangunan telah dijalankan pada tahun ini. Bumbung ditukar baharu dan kubah kayu ditukar kepada kubah tembaga. Bangunan Sultan Abdul Samad ini menempatkan Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi Bahagian Sivil dan Dagang, serta Mahkamah Tinggi Jenayah.
1982	Kerajaan Australia telah menyumbangkan wang sebanyak RM200,000 sebagai kos menyadur tembaga bagi ketiga-tiga kubah yang terdapat pada bangunan tersebut.
1984	Pengubahsuaian bangunan siap dilakukan dengan anggaran belanja sebanyak RM17.2 juta. Pengubahsuaian dilakukan pada bahagian dalam bangunan sahaja tanpa menjejaskan bahagian luarnya dan kedudukan asal bangunan tersebut. Selepas siap sepenuhnya, Bangunan Sultan Abdul Samad ini dirasmikan sekali lagi.
2007	Pengubahsuaian bangunan dilakukan lagi pada tahun ini. Mulai 2007, bangunan ini dijadikan Pejabat Menteri, Pejabat Timbalan Menteri, Pejabat Ketua Setiausaha, Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha, Bahagian Pengurusan, Unit Perhubungan Awam, Unit Undang-Undang, Unit Audit Dalam, dan Perpustakaan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KPKKW).
2008	Majlis penyerahan Bangunan Sultan Abdul Samad kepada KPKKW telah diadakan pada 24 Disember 2008.

LAMPIRAN 3

6 TOPI BERFIKIR

Warna Topi	Aspek	Penerangan
 <p>Topi Putih</p>	Maklumat	Bertitik pada maklumat seperti fakta, data, dan grafik
 <p>Topi Merah</p>	Perasaan, intuisi	Bertitik pada emosi seperti perasaan, intuisi, firasat, dan naluri
 <p>Topi Hitam</p>	Pemikiran kritis	Bertitik pada kritis seperti menilai dan menganalisis
 <p>Topi Kuning</p>	Nilai positif	Bertitik pada pemikiran positif seperti berfikir logik dan berfikir positif
 <p>Topi Hijau</p>	Pemikiran kreatif	Bertitik pada produktif seperti pertumbuhan, idea, dan kreatif
 <p>Topi Biru</p>	Proses berfikir	Bertitik pada kawalan seperti agenda, keputusan, pandangan, dunia

STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

UNIT 3

TEMA	SEJARAH DAN WARISAN
TAJUK	PAKAIAN TRADISIONAL – BATIK
OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran dan pemudahcaraan, diharapkan murid dapat: i. Menghasilkan idea dan produk yang kreatif dan inovatif. ii. Membuat analisis tentang kaedah penghasilan batik.
STRATEGI / PENDEKATAN ABAD KE-21	i. Teknik Bacaan: Paragambar
	ii. KBAT: Menganalisis
	iii. Nilai: Menghargai batik tempatan sebagai khazanah seni warisan budaya
	iv. Strategi Pembelajaran Abad ke-21: Pembelajaran inkuiri
MEDIA	i. Gambar ii. Internet – Laman sesawang
SITUASI	Awam
FORMAT TEKS	Pelbagai
JENIS TEKS	Pendedahan
PROSES KOGNITIF	Mengintegrasikan dan menganalisis kaedah

AKTIVITI	CATATAN
<p>LANGKAH 1</p> <p>a. Secara berpasangan, murid menghasilkan satu poster tentang langkah-langkah memartabatkan batik Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Poster • Mencipta poster mengikut kreativiti dan menggunakan teknik tampalan atau kolaj <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 1</p>
<p>LANGKAH 2</p> <p>a. Murid meneliti gambar produk inovasi dalam industri batik.</p> <p>b. Murid menerangkan satu persatu tentang inovasi dan situasi penggunaan produk batik tersebut.</p> <p>c. Dalam kumpulan, murid memikirkan inovasi lain yang dapat dibuat daripada kain batik. Inovasi ini hendaklah yang ada nilai komersial pada peringkat antarabangsa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 2</p>
<p>LANGKAH 3</p> <p>a. Murid membaca petikan tentang “Motif Batik di Malaysia”.</p> <p>b. Secara berpasangan, murid membuat kajian dan mengemukakan contoh corak atau ragam hias bagi setiap motif batik. Selain itu, murid membuat kajian tentang kaedah penghasilan batik.</p> <p>c. Murid membentangkan hasil dapatan kepada rakan sekelas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengakses dan mendapatkan maklumat • Menggunakan intonasi dan sebutan yang betul <p style="text-align: right;">LAMPIRAN 3</p>

LANGKAH-LANGKAH MEMARTABATKAN **BATIK MALAYSIA**

Mempromosikan dan memasarkan batik ke seluruh pelosok dunia.

Mewujudkan kesepakatan dengan agensi kerajaan untuk menghasilkan idea dan produk yang berkualiti dan bervariasi

Mewajibkan pemakaian batik pada setiap hari Khamis dan di majlis-majlis rasmi dalam kalangan penjawat awam.

Menggiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menaiktarafkan batik Malaysia.

Menghebahkan keistimewaan batik Malaysia kepada masyarakat.

Batik Malaysia berkualiti tinggi.

LAMPIRAN 2

INOVASI BATIK



MOTIF BATIK DI MALAYSIA

Motif batik di Malaysia banyak dipengaruhi oleh unsur alam sekitar. Motif-motif ini dihasilkan kerana kepekaan masyarakat pada zaman dahulu terhadap persekitaran. Masyarakat ini menjadikan falsafah dan perkara yang menarik di sekeliling mereka sebagai corak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa motif-motif batik ini menunjukkan penyatuan masyarakat pada zaman dahulu dengan alam. Terdapat lima jenis motif alam yang digubah menjadi corak atau ragam hias yang menarik. Antaranya ialah:

Unsur flora

Fungsi unsur flora adalah untuk menghiasi kain batik ela. Motif flora antaranya seperti bunga, kuntum, putik, daun, ranting, dan pucuk yang digunakan secara tunggal atau bertabur. Selain itu, unsur flora digunakan untuk menghiasi badan batik sarung. Motif batik flora juga berfungsi untuk menghiasi bahagian kepala kain, contohnya penggunaan motif pucuk rebung.

Unsur fauna

Unsur-unsur fauna adalah seperti motif rama-rama, kumbang, burung, ayam, rusa, bangau, ikan, kijang, dan sebagainya.

Unsur geometri

Contoh motif unsur geometri ialah keluk pinggir awan persegi, pilin berganda, parang rosak, banji, ceplok, jalur, kawung, dan sebagainya. Fungsi motif unsur geometri ialah sebagai hiasan kaki kain, menghiasi batik panjang, dan lain-lain.

Unsur benda buatan manusia

Fungsi motif unsur buatan manusia yang agak moden ini biasanya digunakan untuk hiasan batik ela. Contoh motif unsur benda buatan manusia ialah abor, jaring ikan, kampung, dan layang-layang.

Unsur Motif Isen

Isen ialah motif pengisi untuk memenuhi kain batik tradisional atau sebagai latar belakang bagi sesuatu pola corak. Contoh jenis isen ialah ada-ada, atap sirapan, berangan, cacah gari, cecek-cecek, cecek pitu, cecek sawut daun, galangan, grinsing, mata dara, penutup, poleng, sisik, dan sebagainya.